

18/08/2000

Singapura tidak campur tangan

Munaarfah Abu Bakar; Wan Esuriyanti

KUALA LUMPUR, Khamis - Singapura tidak berminat turut campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia terutama berkaitan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

"Singapura bukannya musuh...kami sentiasa mempunyai hubungan yang cukup baik dengan pemimpin Malaysia termasuk Anwar ketika beliau menjawat jawatan dalam Kabinet.

"Seperti yang saya katakan dulu, perkara ini amat mendukacitakan. Dari apa yang saya lihat ia berlaku disebabkan kesilapan tindakan pegawai yang membuat keputusan berkaitan kes ini. Dalam keadaan ini, saya lebih bersimpati dengan (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad)," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan rasmi empat harinya ke Malaysia, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan wartawan AFP, sama ada Singapura dianggap sebagai musuh berikutan kenyataan Dr Mahathir, baru-baru ini.

Dalam kenyataannya, Dr Mahathir berkata rakyat kini jelas dapat menilai siapa kawan dan siapa musuh sebenar berdasarkan pelbagai reaksi negatif beberapa negara Barat termasuk Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Kesatuan Eropah yang secara jelas mengutuk hukuman mahkamah terhadap Anwar.

Menjawab soalan wartawan Reuters sama ada hukuman sembilan tahun yang dijatuhkan terhadap Anwar bagi kesalahan meliwat adalah terlalu kejam, Lee berkata: "Adakah ia relevan dan kenapa pula saya perlu menjawabnya?"

Apabila wartawan berkenaan memberitahu bahawa Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan masyarakat Kesatuan Eropah menganggap keputusan itu terlalu kejam, Lee berkata: "Semoga tuhan merahmati mereka semua."

Mengenai masa depan generasi baru Melayu dalam melihat kepimpinan Umno, Lee berkata, ahli parti itu sendiri perlu mengambil langkah bijak dengan mengikut dasar idealistik asal perjuangan Umno bagi menarik kalangan generasi muda.

"Mereka perlu memupuk semula idealistik perjuangan asal Umno Melayu yang dapat menarik generasi baru yang bersih dari politik wang. Saya percaya, golongan berpendidikan tinggi bukan saja di peringkat universiti tetapi Melayu yang memegang jawatan yang baik di seluruh dunia masih berpegang kepada pembentukan agenda kepimpinan itu," katanya.

Katanya, dalam menyelesaikan masalah itu, kepimpinan dalam lingkungan usia 40-an perlu memainkan peranan serius dalam membentuk agenda pembangunan generasi yang lebih muda seperti yang dilakukan di Singapura melalui program S21.

"Saya faham mengapa Dr Mahathir risau mengenai generasi muda ini kerana golongan terbabit mempunyai sikap sambil lewa dan golongan ini perlu dibentuk supaya dapat dijana bagi persediaan masyarakat Internet dan K-Ekonomi," katanya.

Dalam sidang akhbar itu, Lee turut ditanya mengenai kejadian rompakan senjata dan peluru dari Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, yang didakwa pembangkang sebagai sandiwara kerajaan.

"Mana ada kerajaan di dunia ini yang merancang untuk merampas senjata sehingga menyebabkan dua anggota tenteranya terbunuh. Saya rasa ini agak pelik. Apabila saya bertemu dengan beberapa wakil surat khabar tadi, saya hairan mengapa mereka menyoalnya. Saya rasa masalahnya ialah terlalu banyak perasaan sinis timbul," katanya.

Ditanya sama ada benar dakwaan yang mengatakan Singapura adalah pangkalan tentera Amerika Syarikat, sambil ketawa Lee berkata: "Di mana anda mendengar kenyataan itu? Dengan apa yang berlaku di Okinawa, Jepun, adakah anda fikir kerajaan Singapura mahu apa yang berlaku di sana, berlaku di Singapura?"

(END)